



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 Okt 2020 (Rabu)

Berita Harian

Pemutihan kilang sepanjang sungai elak pencemaran berulang	1
Air bersih di Selangor bukan lagi tanggungjawab Puncak Niaga	2
'Dalang perlu tanggung semua kos'	3
LRA Sungai Semenyih mula operasi	4

Utusan Malaysia

Bekalan air bukan lagi bawah Puncak Niaga	5
Bekalan air mula pulih hari ini	6
Polis tahu pencemar Sungai Batang Benar	7
Rayuan wanita mohon diisytihar bukan Islam ditangguh	8
Penduduk kecewa masalah air berterusan 24 tahun	9

Harian Metro

Bukan tanggungjawab Puncak Niaga lagi	10
LRA Bukit Tampoi masih tercemar	11
Onar orang luar	12
Pusat penempatan Air Selangor jadi tumpuan	13

Kosmo

Lima ADUN disahkan positif Covid-19	14
150 kakitangan MBPJ terima sumbangan BA100 Angkasa	15
Polis kenal pasti suspek cemarkan sungai Batang Benar	16

Sinar Harian

Bekalan pulih bermula hari ini, kata Air Selangor	17
LRA Sungai Semenyih kembali beroperasi	18
Polis yakin dapat kesan suspek	19
Puncak Niaga tiada kaitan dengan bekalan air di Selangor	20
Rayuan wanita berhubung status agama ditangguh kerana Covid-19	21
Permohonan tertuduh rahsiakan namanya ditolak	22
Permohonan tertuduh rahsiakan namanya ditolak	23
Koperasi PBT guna platform digital	24

KOSMO Online

4 ADUN sah positif Covid-19	25
Dua ekor ular bergelut dalam longkang asrama Unisel	26
LRA Sungai Semenyih beroperasi semula	27
Air Sungai Batang Benar bau bangkai	28
Bahan buangan dan sebatian organik punca pencemaran air	29
Dua sungai di Negeri Sembilan disyaki punca pencemaran	30
Gangguan bekalan air tidak berjadual dijangka lambat untuk pulih	31
KP Kesihatan sahkan ada kes positif babitkan VIP	32
Pencemaran Sungai Batang Benar disiasat	33

Malaysiakini (English)

Belum tahu bila LRA Sg Semenyih, Bukit Tampoi beroperasi semula	34
---	----

myMetro On-line

800,000 wanita terdera	35
------------------------	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Covid-19: Dua Adun Selangor positif	36
LRA Sungai Semenyih mula operasi pagi ini	37
McDonald's diiktiraf pembayar zakat LZS	38
Adun Bukit Tunku positif Covid-19	39
Adun Kota Damansara, isteri, 2 anak positif Covid-19	40
JAS, BKSA bantu kenal pasti punca pencemaran	41
Kawasan belukar disyaki lokasi utama pencemaran	42
Ladang ternakan disyaki punca pencemaran	43
LRA Semenyih fasa dua beroperasi seperti biasa	44
LZS jangka 80,000 peningkatan asnaf fakir tahun ini	45
Pencemaran air: Pemilik ladang dan kilang akan didakwa	46

Sinar Harian Online

MB Selangor doakan dua ADUN dijangkiti Covid-19 segera sembuh	47
Peniaga lebih rela angkut air daripada tanggung rugi	48
Seorang lagi ADUN Selangor positif Covid-19	49
Si batik belit tedung selar dalam longkang	50
ADUN Kampung Tunku positif Covid-19	51
Air sisa tanpa rawatan punca sungai tercemar	52
Bahan buangan, sebatian organik punca pencemaran air	53
Kuasa di tangan Muhyiddin	54
LRA Sungai Semenyih, Bukit Tampoi belum beroperasi	55
LRA Sungai Semenyih, Bukit Tampoi masih belum beroperasi	56
Lupuskan wang tidak patuh syariah anda di baitulmal	57
Pencemaran disyaki dari reban angsa	58
Pencemaran masih dikesan di Sungai Semenyih	59
Pencemaran masih dikesan di Sungai Semenyih	60
Penduduk tak sempat simpan bekalan air	61
SINAR PM: Langgar kuarantin, MB Selangor minta maaf	62
Tumpahan minyak dikesan sekitar SK Kampung Gelam	63
Unisel benarkan pelajar kekal di kampus	64
LUAS kesan bau bangkai di Sungai Pajam	65
Selangor lancar Bantuan Prihatin Mahasiswa Darul Ehsan	66

Utusan Malaysia Online

Bekalan air ambil masa untuk pulih	67
Sungai di Batang Benar busuk, dicemari sampah	68
Dua sungai di Negeri Sembilan punca pencemaran Sungai Semenyih	69
Mohd. Rashid boleh dilantik sebagai Ketua Penaja	70

The Star

SHAH ALAM ON WHEELS	71
TAX REBATE	72
'Allow foreign spouses to help at hawker stalls'	73
New mobile app for business in Petaling Jaya	74
Pressure's up for mums with dry taps	75
More cases involving polls participants expected	76
Student volunteers raise green awareness at KL park	77
Cops on the heels of Negri water treatment polluters	78
Sudden unscheduled water cuts leave consumers high and dry	79
'Water expected to be fully restored by Friday'	80

New Straits Times



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



'Onus on state govts to safeguard water sources'	81
Semenyih water treatment plant resumes operations	82
WATER SUPPLY TO RESUME TODAY	83
The Sun	
Two state reps test positive for coronavirus	84
Up in arms over water woes	85
New Straits Times Online	
kampung tunku assemblyman positive for covid-19	86
negeri sembilan duck farm suspected	87
The Malay Mail Online	
Air Selangor: Sungai Semenyih water treatment plant back in operation	88
After yet another cut in Selangor, water commission mulls millions-ringgit fine for polluters	89
Johor Environment Dept raids factories in Sungai Sembrong over river pollution, RM230,000 in...	90
Ministry zeroes in on Nilai pollution source that caused Selangor water cut	91
Negeri Sembilan govt waiting for reports on Batang Benar river pollution	92
Wastes polluting river are brought in from outside N. Sembilan, says state secretary	93
Water cuts for over 300,000 households in Klang Valley enter second day	94
Water cuts again in certain parts of Selangor, Putrajaya due to contamination of Sungai Semenyih	95
The Malaysian Reserve	
Water supply to resume in stages latest by friday	96
The Star Online	
Air Selangor unable to estimate water recovery time	97
Consumers riled up over cuts	98
Hassan tops the lot in Selangor Classic tourney	99
Lee: Enough is enough, water polluters must pay	100
Sg Semenyih water treatment plant resumes operations, Bukit Tampoi remains shut	101
Waste and organic compounds found	102
Air Selangor says unable to determine estimated water supply recovery period	103
Air Selangor says unable to determine estimated water supply recovery period	104
Hee: Source of odour pollution traced to Negri, not Selangor	105
Hee: Source of odour pollution traced to Negri, not Selangor	106
Kampung Tunku rep confirms she has Covid-19	107
Kota Damansara rep tests positive for Covid-19	108
Lam Thye: Make water polluters pay	109
Negeri govt still waiting for detailed report on river pollution	110
Sg Semenyih odour pollution believed to be from Nilai industrial area, says Tuan Ibrahim	111
Water cuts: Illegally dumped waste identified as source of water pollution, says ministry	112
Water cuts: Illegally dumped waste identified as source of water pollution, says ministry	113
Water treatment plants yet to resume operations as pollution level still high, says Air Selangor	114



KERATAN AKHBAR
7 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pemutihan kilang sepanjang sungai elak pencemaran berulang
Muka Surat	:	12

'Pemutihan' kilang sepanjang sungai elak pencemaran berulang

Betapa kalutnya kehidupan jutaan pengguna apabila operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihentikan susulan insiden pencemaran air mentah di Sungai Semenyih yang menjadi sumber air mentah ke loji ini.

Lazimnya, selain masalah pencemaran sumber air mentah, faktor lain juga menyebabkan masalah gangguan bekalan.

Antaranya, kekurangan air, musim panas berpanjangan, tiada hujan di kawasan tadahan, kekurangan kawasan tadahan air, sekali gus diwartakan sebagai kawasan simpanan tetap, henti tugas loji atau kes pecah paip utama yang usang.

Proses pemulihan semula bekalan mengambil masa panjang. Rakyat pula bosan dan muak dengan masalah bekalan air yang sering terganggu, malah meluat dengan selbagai alasan diberikan sejak sekian lama.

Apakah tidak ada jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini daripada terus berulang?

Malaysia adalah negara mewah dengan sumber air, menerima hujan berterusan sepanjang tahun, memiliki banyaksungai dan sumber air bawah tanah yang belum digunakan sepenuhnya. Sepatutnya, masalah gangguan bekalan air seperti ini tidak berlaku!

Penguatkuasaan undang-undang lemah antara penyebab utama isu pencemaran air tidak berkesudahan. Pada 2018 sahaja, sembilan kali pengguna mengalami gangguan bekalan air.

Ibarat tradisi sahan tahun, kali ini sebahagian penduduk Lembah Klang sekali lagi perlu menghadapi perkara sama buat kesekian kalinya.

Walaupun sungai mempunyai keupayaan secara semula jadi untuk menerima bahan cemar, ia bergantung juga isi padu air yang ada di dalam sungai itu.

Jika saiz sebuah sungai kecil dan isi padu air berkurangan, maka kemampuan sungai menerima bahan cemar adalah kurang.

Begitu juga ketika musim kemarau, kadar pencairan dalam sungai berkurangan. Justeru, apakah tindakan penyelesaian jangka pendek dan panjang boleh dilakukan untuk meminimumkan masalah ini?

Lazimnya, apabila masalah gangguan air berlaku, pihak berkuasa hanya membuat 'bising' dan 'kecoh' dengan bertindak apabila isu masih panas dan diperkatakan.

Seharusnya tindakan lebih proaktif dan agresif diambil, khususnya langkah pencegahan sebelum insiden berlaku.

Antara paling mudah memantau lokasi dan status semua sungai yang menjadi punca bekalan air secara berkala dan berterusan. Pemantauan perlu merangkumi aktiviti di sekitar sungai terbabit.

Bagi tindakan jangka pendek, apabila gangguan bekalan air berlaku, pengguna dinasihatkan menyimpan bekalan air yang cukup untuk kegunaan sepanjang gangguan bekalan air.

Jika selama ini kita tidak pernah peduli dengan air hujan yang mencurah, apa kata mula menadah air hujan sebagai penyelamat pada saat genting. Tadahan air hujan boleh digunakan untuk menyiram tanaman atau mencuci kenderaan.

Sekiranya berlaku kerja pembaikan tidak berjadual seperti paip utama pecah atau tekanan rendah, syarikat pengendali air perlu mengambil tindakan segera dan menyediakan lebih banyak lori tangki air bagi menampung permintaan pengguna untuk sementara waktu.

Syarikat pengendali air juga perlu meletakkan tong di setiap kawasan yang kerap mengalami masalah gangguan bekalan air. Perlu juga dipastikan loji rawatan dalam keadaan baik.

Untuk tindakan jangka panjang, perlu dirangka pelan strategik bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air ini daripada berterusan.

Antaranya memantapkan sekuriti air meliputi kuantiti dan kualiti air yang menjadi keperluan asas manusia sebagai keutamaan pihak berkuasa agar pengguna tidak lagi dibebani masalah gangguan bekalan pada masa akan datang.

Sahabat Alam Malaysia (SAM) misalnya, menggesa pihak berkuasa negeri berkaitan pencemaran bertindak tegas dengan melakukan 'pemutihan' kilang dan binaan berhampiran sungai.

Langkah ini penting bagi memastikan kebersihan dan keselamatan sungai sebagai sumber air terpelihara.

Selain itu, pengezonan semula kilang dan binaan berhampiran sungai di setiap negeri perlu dilakukan supaya sisa buangan tidak lagi dialirkan terus ke sungai.

Pihak menyediakan perkhidmatan air juga seharusnya boleh meramal bekalan sering dicemari, maka mereka perlu mempertingkatkan penguatkuasaan di sepanjang lembangan sungai.

Selain Jabatan Alam Sekitar selaku utama, peranan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga perlu diperkasa, bukan sekadar menjadi agensi pelaksana yang menguruskan badan air, tetapi boleh menguat kuasa.

Ketika ini, jika berlaku kesalahan berkaitan penerokaan dan pencemaran sungai khususnya, JPS tidak boleh mengambil tindakan.

Sebagai tambahan, Garis Panduan Manual Pembangunan Pesisiran Sungai perlu dipertingkatkan supaya menjadi peruntukan undang-undang.

Malah, pihak berkuasa tempatan sebagai yang mempunyai kuasa meluluskan operasi industri perlu memastikan tidak memberi sebarang kelulusan kepada industri untuk beroperasi di sepanjang sungai, selain mengambil

tindakan terhadap kilang haram yang beroperasi di sepanjang sungai.

Cadangan Kementerian Alam Sekitar dan Air membubuhkan Unit Jenayah Alam Sekitar pada masa terdekat bagi menangani isu pencemaran juga harus disokong.

Menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar (UNEP), jika manusia terus menggunakan air dengan kadar diamalkan sekarang, dua daripada tiga penduduk dunia akan hidup dalam keadaan sukar menikmati bekalan air menjelang 2025.

Oleh itu, rakyat juga perlu dididik secara berterusan tentang kepentingan dan keperluan menjimatkan penggunaan air per individu kerana penggunaan air dalam kalangan rakyat Malaysia amat tinggi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan keperluan penggunaan air bagi seorang individu adalah 165 liter, tetapi rakyat Malaysia secara purata menggunakan 220 liter air sehari - lebih daripada purata penduduk Amerika Syarikat dan Australia.

Menurut laporan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air pada 2016, seorang rakyat Malaysia membazir 50,000 liter air setahun.

Pencemaran sungai di Malaysia satu masalah alam sekitar yang bertambah serius dari semasa ke semasa dan sehingga sekarang masih tiada kaedah penyelesaian benar-benar efektif untuk menangani masalah ini.

Hakikatnya, kemusnahan sungai berterusan akibat pencemaran boleh mengancam kehidupan masyarakat dalam jumlah yang ramai sama ada secara langsung atau tidak.

Justeru, penjenayah yang menimbulkan pelbagai kesusahan dan kesulitan kepada masyarakat wajar diheret ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman berat serta setimpal sebagai pengajaran.

Pemulis adalah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM)



**Prof Madya
 Dr Haliza
 Abdul
 Rahman**

Selain itu, pengezonan semula kilang dan binaan berhampiran sungai di setiap negeri perlu dilakukan supaya sisa buangan tidak lagi dialirkan terus ke sungai.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Air bersih di Selangor bukan lagi tanggungjawab Puncak Niaga
Muka Surat	:	16

Air bersih di Selangor bukan lagi tanggungjawab Puncak Niaga

Shah Alam: Puncak Niaga Holdings Berhad (Puncak Niaga) tidak lagi bertanggungjawab ke atas semua urusan berkaitan air bersih di Selangor sejak lima tahun lalu.

Jabatan Perhubungan Awam syarikat itu, dalam satu kenyataan semalam, berkata urusan berkenaan sudah diambil alih Kerajaan Selangor pada 15 Oktober 2015.

Pada tarikh itu, Puncak Niaga memaklumkan, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) diambil alih Kerajaan Selangor dan ditukar namanya kepada Pengurusan Air Selangor Berhad (Air Selangor).

"Oleh itu, segala urusan mengenai bekalan air bersih di Selangor tidak lagi diurus Puncak Niaga dan Tan Sri Rozali Ismail (Pengerusi Eksekutif) bermula 15 Oktober 2015. Segala urusan berkaitan air bersih di Selangor boleh dibincang dan berhubung terus dengan Air Selangor," menurut kenyataan itu.

Puncak Niaga ialah syarikat konsesi bekalan air yang membekal dan mengagihkan air dirawat kepada pelanggan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. SYABAS adalah anak syarikatnya sehingga 2014 apabila ia bertukar nama kepada Air Selangor.

Pada Februari 2015, media melaporkan Puncak Niaga dan Pengurusan Air Selangor memeterai perjanjian jual beli (SPA) bersyarat pada 11 November 2014, yang mana kedua-dua pihak bersetuju terhadap cadangan pelupusan satu sama lain.

Perjanjian berkenaan dimeterai bagi menyatu dan menstrukturkan semula industri air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Berikutan itu, industri air Selangor diuruskan sepenuhnya oleh kerajaan negeri berkenaan, manakala Kerajaan Persekutuan dapat menegerakan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem bekalan air terawat.

 **Segala urusan
berkaitan air
bersih di Selangor
boleh dibincang dan
berhubung terus
dengan Air Selangor.**

Kenyataan Puncak Niaga



KERATAN AKHBAR
7 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Dalang perlu tanggung semua kos'
Muka Surat	:	16

'Dalang perlu tanggung semua kos'

Kuala Lumpur: Pihak yang didapati bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai perlu menanggung setiap kos kesan perbuatan berkenaan.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata prinsip 'pencemar bayar' perlu dikuat kuasakan kerana situasi itu mengakibatkan penderitaan perlu ditanggung rakyat dan menjejaskan alam sekitar.

"Sebelum meminta pihak itu bertanggungjawab, mereka perlu dikenal pasti terlebih dulu. Persoalannya adalah mengapa pencemar tidak dikenali lebih awal?"

"Ia (pencemaran Sungai Semenyih) kejadian kedua selepas Sungai Gong. Kenapa pihak berkuasa hanya bertindak selepas ia berlaku dan bukan sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihak berkuasa harus melakukan lebih banyak usaha mengelakkan kes seperti itu daripada berulang, malah perlu lebih berwaspada dan proaktif.

"Tidak sukar untuk mengenal



Pencemaran air mentah di Sungai Semenyih dan Sungai Langat menjejaskan 309,605 akaun pengguna. (Foto Muhammad Asyraf Sawal /BH)

pasti kilang dan aktiviti di sepanjang sungai, di hulu, tengah dan hilir. Buat pemeriksaan berkala ke atas semuanya untuk memastikan kepatuhan terhadap peraturan dan undang-undang yang ada.

"Sekiranya perlu, pindahkan

kilang haram sebelum memberi lesen kepada mereka," katanya sambil menegaskan, rakyat mahu pihak berkuasa bertindak pantas sebelum kejadian berlaku.

"Masukkan langkah baharu jika perlu untuk mengenal pasti

dan membetulkan keadaan. Betulkan juga soal urus tadbir untuk memastikan pengurusan air yang selamat setiap masa," katanya.

Pencemaran sumber air mentah utama untuk LRA Sungai Semenyih dan LRA Bukit Tampoi itu adalah yang kedua berlaku di Lembah Klang dalam tempoh kira-kira sebulan, selepas pencemaran Sungai Gong di Rawang, awal bulan lalu.

Dalam insiden terdahulu, sebanyak 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air berikutan pencemaran Sungai Gong akibat pencemaran minyak dari industri berhampiran sehingga menjejaskan kira-kira lima juta pengguna.

Tujuh wilayah berkenaan ialah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat. Susulan itu, empat ahli lembaga pengarah dan seorang pengurus syarikat membai-ki jentera berat didakwa di mahkamah sebelum dibenarkan ikat jamin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LRA Sungai Semenyih mula operasi
Muka Surat	:	16

LRA Sungai Semenyih mula operasi

Pengguna terjejas dapat bekalan air mulai jam 12 tengah malam tadi

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
 yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengguna yang terjejas akibat penutupan dua loji rawatan air (LRA) di Selangor sejak Ahad lalu, dijadual mendapat bekalan air secara berperingkat mulai jam 12 tengah malam tadi.

Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhaimi Kamaralzaman, berkata ia susulan pengoperasian semula LRA Sungai Semenyih dengan penstabilan proses rawatan air sedang dijalankan sejak pagi semalam.

Katanya, air bersih itu akan melalui ujian kualiti dan pematuan berdasarkan standard Kementerian Kesihatan, sebelum diagihkan kepada pengguna dengan pemuliharaan sepenuhnya dibahagikan kepada tiga kumpulan utama dengan pengguna terawal mula mendapat bekalan pada jam 12 tengah malam tadi.

Kumpulan pertama merangkumi 145 kawasan akan menerima bekalan air sepenuhnya pada jam 6 petang ini, disusuli kumpulan kedua membabitkan 91 kawasan akan menerima bekalan air sepenuhnya pada jam 6 petang Khamis.

"Kumpulan ketiga merangkumi 38 kawasan akan menerima bekalan air sepenuhnya pada jam 6 petang Jumaat ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, LRA Sungai Semenyih dilapor sudah mula mengoperasikan pam air mentah bagi kerja pembersihan paip air mentah dan tangki rawatan air, selepas pensampelan di muka sauk LRA itu mencatat bacaan sifar TON (kadar ukuran bau), tiga kali berturut-turut.

Ahad lalu, LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas susulan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat, yang menjejaskan bekalan kepada 309,605 akaun di empat wilayah, iaitu



Keratan akhbar BH, semalam.



Pengguna disaran merujuk saluran komunikasi rasmi kami seperti aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman www.airselangor.com untuk mendapatkan jadual pemuliharaan.

Suhaimi Kamaralzaman,
 Ketua Pegawai Eksekutif,
 Pengurusan Air Selangor

Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang, sejak jam 4.30 petang.

Kejadian itu disyaki berpunca daripada aktiviti pencucian secara besar-besaran di kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam serta Kawasan Perindustrian Nilai 3 di Negeri Sembilan.

Suhaimi berkata, sebanyak 98 lori tangki air digerakkan ke premis kritikal, sekolah dan kawasan perumahan terjejas, manakala 26 tangki statik, 11 stesen pengisian setempat, sembilan Pusat Khidmat Setempat (PKS) dan 13 pili awam disediakan bagi kemudahan pengguna terjejas.

"Pengguna disaran merujuk saluran komunikasi rasmi kami seperti aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman www.airselangor.com untuk mendapatkan jadual pemuliharaan bekalan air."

"Air Selangor berharap pengguna yang mendapat bekalan air akan menggunakannya secara berhemah bagi memastikan proses pemuliharaan berjalan lancar seperti dijadualkan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bekalan air bukan lagi bawah Puncak Niaga
Muka Surat	:	9



Bekalan air bukan lagi bawah Puncak Niaga

KUALA LUMPUR: Semua perkara berkaitan air minum dan industri bekalan di Selangor kini di bawah pengurusan kerajaan Selangor dan bukan lagi tanggungjawab Puncak Niaga Holdings Berhad.

Kenyataan tersebut menyebut, sejak 15 Oktober 2015 bekalan air di Lembah Klang diserahkan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) yang sebelum ini dikenali Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.

"Bemula 15 Oktober 2015, segala urusan mengenai bekalan air bersih di Selangor tidak lagi diurus oleh Syarikat Puncak Niaga atau Tan Sri Rozali Ismail.

"Urusan tersebut diambil alih Air Selangor," jelas kenyataan tersebut.

Pada 11 November 2014, Puncak Niaga Holdings dan Air Selangor memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan kedua-dua pihak bersetuju terhadap cadangan pelupusan satu sama lain dengan bayaran tunai RM1.55 bilion.

Perjanjian itu dimeterai bagi menyatukan dan menstrukturkan semula industri air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Berikutan itu, industri Air Selangor kini diuruskan sepenuhnya oleh kerajaan Selangor, manakala kerajaan Persekutuan akan menyegerakan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem bekalan air terawat.

Namun sejak pengambilan alih oleh Air Selangor bekalan air masih kerap terputus dan kejadian itu menimbulkan tidak puas hati pelanggan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bekalan air mula pulih hari ini
Muka Surat	:	9

Bekalan air mula pulih hari ini



**SUHAIMI
KAMARALZAMAN**

Oleh **ZAREEN
HUMAIRAH SEJAHAN**
zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 1.3 juta pengguna air di empat wilayah membabitkan 274 kawasan di Lembah Klang dijangka menerima bekalan air secara berperingkat mulai hari ini sehingga 9 Oktober.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman berkata, proses pemulihan dibahagikan kepada tiga kumpulan dengan yang pertama merangkumi 145 kawasan dija-

ngka pulih sepenuhnya pukul 6 petang hari ini (7 Oktober).

"Kumpulan kedua melibatkan 91 kawasan akan menerima bekalan pada pukul 6 petang, 8 Oktober dan kumpulan ketiga melibatkan 38 kawasan akan menerima air sepenuhnya pada pukul 6 petang, 9 Oktober," kata beliau dalam sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, usaha merawat air mentah dan menstabilkan sistem loji rawatan air akan mengambil masa 12 jam sebelum bekalan air boleh diagihkan.

Menurut Suhaimi, setakat ini Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Tampoi belum beroperasi dan bacaan pencemaran masih berada pada tahap tiga ton.

"Bagaimanapun, LRA Sungai Semenyih akan menampung keperluan air kepada 13,000 pengguna yang sebelum ini mendapat bekalan air dari LRA Bukit Tampoi," ujarnya.

LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi ditutup sejak Isnin lalu berikutan pencemaran bau dikatakan berpunca dari Sungai Batang Benar di Negeri Sembilan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Polis tahu pencemar Sungai Batang Benar
Muka Surat	:	9



GAMBAR dirakam dron menunjukkan sebuah kilang angsa haram di Pajam, Nilai yang disyaki melepaskan sisa buangan ke Sungai Batang Benar hingga menyebabkan pencemaran air. -**GAMBAR** IHSAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

Polis tahu pencemar Sungai Batang Benar

SEREMBAN: Polis Negeri Sembilan akan menahan individu yang membuang sisa buangan hingga mencemarkan Sungai Batang Benar di Nilai dekat sini tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, **Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman** berkata, individu tersebut sudah dikenal pasti dan pegawainya sedang mengawasi individu itu yang berada di sebuah negeri.

“Selepas menerima laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kami membuka kertas siasatan dan memburu individu yang mencemarkan Sungai Batang Benar.

“Kami yakin dapat menang-

kap individu itu dalam tempoh terdekat dan membawanya ke negeri ini untuk didakwa,” katanya ketika melawat lokasi pencemaran di Jalan Emas di Kawasan Perindustrian Nilai dekat sini.

Menurut beliau, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana mencemarkan tali air atau sungai.

Sementara itu, Pengerusi Jawatan Kuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan, **S. Veerapan** berkata, pihak berkuasa menutup sebuah ladang ternakan angsa dan membersihkan tempat pembuangan haram di Ka-

wasan Perindustrian Nilai yang disyaki menjadi punca pencemaran Sungai Batang Benar.

“Kami mengesyaki aktiviti pembuangan sampah berlaku tiga atau empat hari lalu manakala ladang ternakan angsa ini sudah beroperasi secara haram empat tahun,” katanya.

Menurut beliau, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri mengambil sampel di tapak pembuangan haram untuk mengetahui sama ada ia bahan buangan berjadual atau bukan.

“Kilang ternakan angsa haram di Pajam yang disyaki mengalirkan bahan buangan ke sungai juga sudah diarahkan tutup serta-merta,” katanya.

Menurut Veerapan, pihakn-

ya menunggu analisis sampel sungai tersebut bagi mengetahui pencemaran di situ sama seperti sampel di Sungai Semenyih, Selangor.

“Pencemaran Sungai Selangor menyebabkan dua Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas dan puluhan ribu penduduk di negeri itu tiada air,” kata beliau.

Kerajaan Selangor mendakwa aktiviti pembersihan ladang angsa dan sampah di kawasan Perindustrian Nilai 3 sebagai punca Sungai Batang Benar tercemar sebelum airnya mengalir ke Sungai Semenyih.

Sungai Batang Benar terletak sejauh kira-kira 30 kilometer dari LRA Sungai Semenyih.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rayuan wanita mohon diisytihar bukan Islam ditangguh
Muka Surat	:	12

Rayuan wanita mohon diisytihar bukan Islam ditangguh

PUTRAJAYA: Rayuan seorang wanita yang mempunyai nama Melayu untuk diisytiharkan sebagai bukan Islam ekoran dibesarkan mengikut kepercayaan agama Buddha oleh ibunya berketurunan Cina di Mahkamah Persekutuan hari ini ditangguhkan akibat Covid-19.

Menurut Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Jumirah Marjuki yang memaklumkan penangguhan tersebut kepada pihak-pihak terlibat, ia berikutan salah

seorang peguam utama dalam kes itu kini diletakkan dalam kuarantin selepas menjadi kontak rapat dengan salah seorang Menteri Kabinet yang juga sedang menjalani kuarantin akibat wabak itu.

Terdahulu, sebelum mahkamah sempat bersidang, peguam Datuk Sulaiman Abdullah yang mewakili Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memaklumkan Jumirah berhubung isu kuarantin akibat Covid-19 itu dan memohon agar prosiding hari ini

ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Peguam Datuk Seri Gopal Sri Ram yang mewakili perayu, Rosliza Ibrahim, 38, dan Peguam-Peguam Kanan Persekutuan, Suzana Atan dan Shamsul Bolhasan mewakili Jabatan Peguam Negara selaku *amicus curiae* (sahabat mahkamah) dalam rayuan itu tidak membantah terhadap permohonan tersebut.

Jumirah ketika ditemui media memberitahu, permohonan

penangguhan itu dibenarkan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat yang sepatutnya mempengerusikan panel sembilan hakim pendengaran rayuan itu.

Beliau turut menyatakan mahkamah telah menetapkan 27 Oktober ini untuk pengurusan kes bagi menetapkan tarikh baharu pendengaran rayuan itu.

Pada 2015, Rosliza memfailkan saman pemula memohon perisytiharan bahawa dia bukan ber-

agama Islam kerana dilahirkan dan dibesarkan oleh ibu beragama Buddha dan Mahkamah Syariah tiada bidang kuasa terhadapnya.

Wanita itu mendakwa dia dibesarkan sebagai penganut Buddha oleh ibunya dan dia terus menganut agama Buddha sehingga hari ini.

Rosliza menamakan Kerajaan Selangor sebagai responden dalam saman pemula itu dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dibenarkan sebagai pencelah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk kecewa masalah air berterusan 24 tahun
Muka Surat	:	19

Penduduk kecewa masalah air berterusan 24 tahun

SAUDARA PENGARANG,

MASALAH air di kawasan perumahan Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Selangor nampaknya tiada kesudahan sejak 1996.

Masalah semakin teruk dalam tempoh dua tahun ini apabila penduduk kerap terputus bekalan air secara tiba-tiba tanpa notis.

Setiap kali panggilan dibuat kepada Pengurusan Air Selangor, kami diberikan jawapan masalah tekanan air rendah atau paip pecah dan mengambil sedikit masa untuk bekalan pulih.

Kini kita berada di 2020 dan bermakna 24 tahun masalah bekalan air masih berlarutan. Justeru, alasan sama yang diberikan oleh Pengurusan Air Selangor boleh dianggap basi.

Kami dapati beberapa kali penambahbaikan

dibuat dengan menggantikan saluran dan menyelesaikan masalah di rumah pam, namun masih berlaku masalah bekalan air. Bahkan semasa aduan ini dibuat, kerja-kerja pembaikan di bawah projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 oleh kontraktor yang dilantik sedang dilakukan di Persiaran Suasana.

Kerja-kerja yang dijangka mengambil masa tiga bulan itu diharap dapat mengatasi masalah dihadapi penduduk.

Kami berharap masalah bekalan air di kawasan ini dapat segera diatasi memandangkan jumlah penduduk semakin meningkat dengan bertambahnya projek perumahan.

MOHD. ARIFFUDIN

Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Selangor



KERJA-KERJA projek LRA Langat 2 di Persiaran Suasana bagi membolehkan penduduk Bandar Tun Hussein Onn menikmati air bersih.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bukan tanggungjawab Puncak Niaga lagi
Muka Surat	:	3

Bukan tanggungjawab Puncak Niaga lagi

Kuala Lumpur: Puncak Niaga Holdings Berhad tidak lagi bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan air minum dan industri air di Selangor sejak 15 Oktober 2015.

Dalam satu kenyataan, syarikat itu berkata, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) diambil alih Kerajaan Negeri Selangor dan ditukar nama kepada Pengurusan Air Se-

langor Berhad (Air Selangor).

Katanya, segala urusan mengenai bekalan air bersih di Selangor tidak lagi diurus Syarikat Puncak Niaga dan Tan Sri Rozali Ismail bermula pada tarikh berkenaan.

“Segala urusan berkaitan dengan air bersih di Selangor boleh berhubung terus dengan Pengurusan Air Selangor Berhad (Air Selangor),” kata kenyataan itu.



KERATAN AKHBAR

7 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	LRA Bukit Tampoï masih tercemar
Muka Surat	:	3

LRA Bukit Tampoï masih tercemar

Kuala Lumpur: Ujian persampelan dijalankan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Tampoï masih mengesan wujudnya pencemaran pada air sungai.

Ketua Komunikasi Korporat Air Selangor, Elina Baseri berkata, ujian yang dijalankan hingga jam 6 pagi semalam mendapati pencemaran di muka sauk LRA Bukit Tampoï pada tahap 2 TON.

Bagaimanapun, katanya, ujian persampelan yang dijalankan di muka sauk LRA Sungai Semenyih pula

mencatatkan bacaan 0 TON tiga kali berturut-turut.

“Oleh itu, LRA Sungai Semenyih mula mengoperasikan pam air mentah pada pagi ini (semalam) untuk kerja pembersihan paip air mentah dan tangki rawatan air.

“Usaha merawat air mentah dan menstabilkan sistem LRA akan mengambil masa 12 jam sebelum bekalan air boleh diagihkan kepada pengguna. Bekalan air yang diagihkan akan melalui ujian kualiti air dan pematuhan standard oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya.




PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 October 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Onar orang luar
Muka Surat	:	3



ANGGOTA polis dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar memantau Kawasan Perindustrian Nilai yang ditutup bagi kerja pembersihan.

PENCEMARAN SUNGAI DI BATANG BENAR

Onar orang luar

Nilai

Insiden pencemaran sungai di Batang Benar, Nilai dipercayai menggunakan modus operandi yang sama seperti tiga kes pencemaran sungai di Negeri Sembilan sebelum ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr Razali Ab Malik berkata, bahan pencemaran berkenaan dipercayai dibuang oleh pihak luar ke negeri ini.

"Ada lori datang dan buang bahan buangan berkenaan ke dalam sungai dan kami sedang buat langkah-langkah seterusnya supaya bau itu tidak mengalir ke dalam sungai.



Ada lori datang dan buang bahan buangan berkenaan ke dalam sungai dan kami sedang buat langkah-langkah seterusnya supaya bau itu tidak mengalir ke dalam sungai"

Dr Razali Ab Malik

"Kami akan membuat pembersihan setelah pihak forensik mengambil sampel untuk dianalisis Jabatan Kimia," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini,

semalam.

Ekoran insiden berkenaan, beliau berkata kawasan berkenaan ditutup kepada orang ramai.

Mengulas lanjut, beliau berkata kerajaan negeri juga akan terus memantau bagi mengelakkan insiden sedemikian berulang.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dalam kenyataan semalam memaklumkan kawasan belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai dikenal pasti sebagai lokasi utama punca pencemaran menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas.

Kementerian itu berkata, sejumlah bahan buangan dan bahan sebatian organik yang tersisa ditemukan di tapak lokasi.

Kelmarin, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam kenyataan memaklumkan 309,687 akaun pengguna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual ekoran operasi dua Loji Rawatan Air (LRA) dihentikan akibat insiden pencemaran di LRA itu.

Dua LRA ialah ialah LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya. - Bernama



PEMANDANGAN Sungai Pajam diambil dari udara susulan pencemaran bau Sungai Semenyih disyaki berpunca dari Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan.



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pusat penempatan Air Selangor jadi tumpuan
Muka Surat	:	3



Orang ramai sekitar Pekan Bangi Lama mengambil bekalan air bersih dari pili awam Kampung Bahagia, semalam.

Pusat penempatan Air Selangor jadi tumpuan

Bangi: Kebanyakan pusat penempatan bekalan air Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) terus menjadi tumpuan ramai untuk mendapatkan sumber air bersih.

Tinjauan mendapati, ramai orang terutama ketua keluarga, golongan suri rumah, malah tidak terkecuali warga emas dan kanak-kanak silih berganti mengisi dan mengangkat air menggunakan tong, baldi dan botol air.

Malah, panas terik matahari tidak mematahkan

semangat penduduk berkeinginan mengambil bekalan sumber air untuk keperluan harian mereka sekeluarga.

Itu sebahagian situasi perit dan cabaran dialami penduduk yang terjejas akibat pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi bermula Ahad lalu.

Pekerja sendiri, Mohd Khairulnizam Ahmad, 37, berkata seawal jam 7 pagi dia sudah mula mengambil air yang ditempatkan di hadapan Masjid Kariah Bangi.



KERATAN AKHBAR

7 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lima ADUN disahkan positif Covid-19
Muka Surat	:	4

Lima ADUN disahkan positif Covid-19

MUAR – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Maharani, Nor Hayati Bachok antara lima ADUN yang disahkan positif Covid-19 selepas pulang daripada kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah baru-baru ini.

Empat ADUN lain ialah ADUN Ayer Limau, Datuk Amiruddin Yusof; ADUN Lunas, Azman Nasrudin; ADUN Kota Damansara, Shatiri Mansor; ADUN Kampung Tunku, Lim Yi Wei.

Pusat Khidmat Wakil Rakyat ADUN Maharani dalam satu kenyataan berkata, Nor Hayati telah menjalani ujian saringan pertama sebaik pulang dari Sabah pada 26 September lalu dan didapati negatif.

“Walaupun tiada sebarang arahan Kementerian Kesihatan untuk kuarantin, Nor Hayati telah mengambil inisiatif kuarantin sendiri di rumah.

“Beliau telah menjalani ujian saringan kedua pada 4 Oktober lalu dan menyambung pengasingan sendiri sehingga dimaklumkan positif pada 5 Oktober lalu (kelmarin),” katanya.

Dalam pada itu, Amiruddin didapati positif pada 30 September lalu walaupun disahkan negatif apabila pulang ke Semanjung pada 28 September.

Menurutnya, dia menjalankan aktiviti harian seperti biasa namun dimaklumkan Exco Kesihatan bahawa dirinya positif



NOR HAYATI

lalu dimasukkan ke Hospital Besar Melaka.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Juhari Bulat mengesahkan bahawa Azman yang merupakan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani positif wabak berkenaan.

Isteri Azman yang merupakan seorang guru sekolah turut disahkan positif, dan jangkitan dikatakan berpunca daripada pembantu peribadi Azman.

Dalam pada itu, Shatiri turut mengesahkan bahawa dia, isteri dan dua anaknya positif Covid-19 menerusi rakaman video yang dimuat naiknya di laman Facebook kelmarin.

Yi Wei pula mengesahkan dia positif wabak tersebut kelmarin walaupun ujian awal menunjukkannya negatif Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	150 kakitangan MBPJ terima sumbangan BA100 Angkasa
Muka Surat	:	6



ABDUL FATTAH (dua dari kanan) menyampaikan simbolik sumbangan penyerahan barangan asas kepada Mohd. Sayuthi (dua dari kiri) di Menara MBPJ, Petaling Jaya semalam.

150 kakitangan MBPJ terima sumbangan BA100 Angkasa

PETALING JAYA – Seramai 150 kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang juga petugas barisan hadapan menerima sumbangan Barang Asas 100 (BA100) daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) semalam.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM10,500 itu bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka yang terus setia berkhidmat menjalankan tugas walaupun wabak Covid-19 melanda

negara.

“Sumbangan berupa barangan keperluan asas tersebut diberikan kepada golongan kurang berkemampuan (B40) kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang juga merupakan petugas barisan hadapan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan barangan keperluan asas di Menara MBPJ di sini semalam.

Mengulas lanjut, katanya, Angkasa sebagai badan tunggal gerakan koperasi negara yang diiktiraf kerajaan akan terus peka dengan

keperluan masyarakat setempat seiring dengan peranan koperasi sebagai platform untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan taraf hidup masyarakat.

Dalam pada itu, Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd. Sayuthi Bakar berkata, beliau amat berterima kasih dan menghargai bantuan yang diberikan Angkasa melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada warga MBPJ.

“Diharap program ini akan diteruskan pada masa hadapan,” ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Polis kenal pasti suspek cemarkan sungai Batang Benar
Muka Surat	:	11



GAMBAR yang dirakam dron menunjukkan sebuah kilang angsa haram di Pajam, Nilai yang disyaki melepaskan sisa buangan ke sungai Batang Benar hingga menyebabkan pencemaran. – IHSAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN.

Polis kenal pasti suspek cemarkan sungai Batang Benar

SEREMBAN – Polis Negeri Sembilan sudah mengenal pasti suspek yang membuang sisa buangan hingga mencemarkan sungai Batang Benar di Nilai dekat sini dan yakin individu berkenaan dapat ditangkap tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman berkata, pegawainya kini berada di sebuah negeri tempat suspek tinggal dan yakin individu itu dapat ditangkap seterusnya didakwa di mahkamah.

“Selepas menerima laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengenai insiden ini, kami membuka kertas siasatan dan seterusnya memburu suspek yang disyaki terbabit mencemarkan sungai Batang Benar ini.

“Kami yakin dapat menangkap suspek dalam tempoh terdekat dan membawanya ke negeri ini untuk didakwa,” katanya ketika melawat lokasi pencemaran di Jalan Emas di Kawasan Perindus-

trian Nilai dekat sini.

Ujarnya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana mencemarkan tali air atau sungai.

Kelmarin sejumlah 309,687 akaun pengguna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan.

Sungai Batang Benar mengalir terus ke Sungai Semenyih dan terletak sejauh kira-kira 30 kilometer dari LRA Sungai Semenyih.

Sementara itu, Pengerusi Jawatan Kuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan, S. Veerapan berkata, pihak berkuasa mengambil tindakan menutup sebuah ladang ternakan angsa di Kawasan Perindustrian Nilai yang disyaki menjadi punca pencemaran sungai Batang Be-

nar.

“Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri sudah mengambil sampel di tapak pembuangan haram di Kawasan Perindustrian Nilai untuk mengetahui sama ada ia bahan buangan berjadual atau bukan.

“Kilang ternakan angsa haram yang terletak di Pajam dan disyaki mengalirkan bahan buangan ke sungai Batang Benar sudah diarahkan tutup serta-merta,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman berkata, bekalan air di semua 274 kawasan terjejas dijangka pulih secara berperingkat bermula petang esok sehingga petang Jumaat.

Ujarnya, proses penstabilan rawatan air sedang dijalankan sebelum mula diagihkan kepada pengguna awal pagi ini.

“Setakat ini sampel air dari LRA Bukit Tampoi masih berada pada tahap tiga Ton dan pembersihan masih dijalankan,” jelasnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bekalan pulih bermula hari ini, kata Air Selangor
Muka Surat	:	14

Bekalan pulih bermula hari ini, kata Air Selangor

KUALA LUMPUR - Bekalan air di semua 274 kawasan terjejas dijangka pulih secara berperingkat bermula hari ini sehingga 6 petang Jumaat selepas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA) telah memulakan operasinya pagi semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman berkata, pada masa ini proses penstabilan rawatan air sedang dijalankan sebelum mula diagihkan kepada pengguna terawal mulai jam 12 tengah malam tadi.

"Pemulihan sepenuhnya dibahagikan kepada tiga kumpulan utama, kumpulan pertama merangkumi 145 kawasan yang akan

menerima bekalan air sepenuhnya, menjelang jam 6 petang esok (hari ini).

"Kumpulan kedua merangkumi 91 kawasan pada jam 6 petang Khamis ini manakala kumpulan ketiga merangkumi 38 kawasan akan menerima bekalan air sepenuhnya pada jam 6 petang Jumaat ini," katanya di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Suhaimi berkata, setakat terkini sampel air yang diambil dari LRA Bukit Tampoi masih berada pada tahap tiga ton dan kerja-



SUHAIMI

kerja pembersihan masih dijalankan.

"Pengguna dinasihat untuk menggunakan air secara berhemat bagi memastikan proses pemulihan berjalan lancar seperti yang dijadualkan," katanya.

Sejumlah 309,687 akaun pengguna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas operasi di LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan pada jam 4.30 petang kelmarin. - *Bernama*



KERATAN AKHBAR

7 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LRA Sungai Semenyih kembali beroperasi
Muka Surat	:	14

LRA Sungai Semenyih kembali beroperasi

KUALA LUMPUR - Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang dihenti tugas susulan pencemaran air mentah sejak Ahad lalu telah beroperasi semula pagi semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri memaklumkan ujian persampelan yang dijalankan di muka sauk LRA Sungai Semenyih telah mencatatkan bacaan sifar ton sebanyak tiga kali berturut-turut.

Bagaimanapun, katanya, ujian persampelan yang dijalankan sehingga jam 6 pagi semalam masih mengesan pencemaran di muka sauk LRA Bukit Tampoi pada tahap dua ton.

Menurutnya, LRA Sungai Semenyih telah mula mengoperasikan pam air mentah pada pagi ini untuk kerja-kerja pembersihan paip air mentah dan tangki-tangki rawatan air.

“Usaha untuk merawat air mentah dan menstabilkan sistem LRA akan mengambil masa selama 12 jam sebelum bekalan air boleh diagihkan kepada pengguna.

“Bekalan air yang diagihkan akan melalui ujian kualiti

air dan pematuhan standard Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Air Selangor akan memaklumkan jadual pemulihan bekalan air secara berperingkat mengikut kawasan apabila proses menstabilkan rawatan air dapat dilaksanakan sepenuhnya.

“Air Selangor telah menggerakkan sebanyak 92 lori tangki air ke premis-premis kritikal, sekolah-sekolah serta kawasan perumahan yang terjejas.

“Sebanyak 22 tangki statik, 10 stesen pengisian setempat, 9 Pusat Khidmat Setempat (PKS) dan 13 pili awam juga disediakan untuk kemudahan pengguna yang terjejas,” katanya.

